



## **SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 01/2025 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya juga, serta berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita telah sama-sama melangkah ke Tahun Baru Masihi 2025 dengan penuh kesyukuran.

Sebagai warga perkhidmatan awam yang menjadi tunjang dan nadi penggerak pembangunan sosio-ekonomi bangsa dan negara, kita hendaklah sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi pekerjaan melalui penambahbaikan berterusan untuk meningkatkan produktiviti dan bersikap proaktif terhadap inovasi yang relevan dan sesuai dengan keperluan semasa. Kita juga hendaklah sentiasa peka terhadap keperluan masyarakat dan memastikan sebarang penyampaian perkhidmatan adalah bersifat inklusif, cekap, dan responsif. Dengan mengutamakan kesejahteraan rakyat, pembangunan negara diharap akan bergerak seiring dengan peningkatan kualiti hidup, sekaligus memupuk kepercayaan masyarakat terhadap sistem perkhidmatan awam.

Pada Tahun Baru Masihi 2025 ini, marilah kita bersama-sama menunaikan amanah dengan penuh dedikasi dan menghayati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena sambutan Tahun Baru Masihi 2025 dan menjunjung tinggi hasrat Baginda dengan komitmen yang teguh serta usaha gigih sebagai pemancau utama Kerajaan dalam merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035 yang semakin hampir untuk dicapai. Antara lain Baginda bertitah seperti berikut:

- i. Baginda menekankan kepentingan perpaduan sebagai kunci utama pembangunan bagi sesebuah masyarakat yang bersatu padu, hidup harmoni dan saling hormat-menghormati untuk menghadapi segala cabaran. Dengan pegangan agama yang kukuh, Negara Brunei Darussalam akan terus mampu menikmati keamanan, kemakmuran, serta kekal sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Baginda turut menegaskan peranan rakyat, khususnya para belia, sebagai pendukung utama negara dan harapan masa depan untuk terus menimba ilmu dan memperkaya kemahiran bagi memastikan kejayaan negara yang berterusan;
- ii. Baginda juga menyentuh mengenai ekonomi Negara yang terus berdayatahan meskipun menghadapi ketidaktentuan situasi global, serta usaha-usaha Kerajaan dalam mempelbagaikan ekonomi Negara, khususnya dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas yang telah menunjukkan perkembangan positif. Menjelang Tahun Baru Masihi 2025, pihak Kerajaan juga akan terus memberikan tumpuan untuk mempertingkatkan lagi usaha bagi menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment, FDI*) yang berkualiti dan berimpak besar kepada Negara Brunei Darussalam, dan pada masa yang sama, mendukung dan memperkuuh ekosistem perniagaan tempatan, khasnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSMEs) untuk mencipta dan menggalakkan peluang perniagaan yang dihasilkan daripada FDI serta untuk menembusi pasaran serantau dan antarabangsa. Antara lainnya, pihak Kerajaan akan turut menumpukan usaha kepada peningkatan pembangunan sumber manusia tempatan melalui pendidikan dan latihan kemahiran yang sejajar dengan keperluan industri bagi menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dan berdaya saing;

A blue ink signature of the Prime Minister of Brunei Darussalam, enclosed in a blue oval.



- iii. Berkaitan hal ehwal antarabangsa, Negara Brunei Darussalam akan sentiasa berpegang kepada dasar luarnya yang mengutamakan keseimbangan antara kepentingan serantau dan pembangunan ekonomi. Keahlian dan penyertaan aktif dalam pertubuhan seperti ASEAN dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mencerminkan komitmen Negara Brunei Darussalam terhadap kerjasama multilateralisme dan penghormatan kepada perundungan antarabangsa ke arah peluang kerjasama serantau, yang luas dan perlu dimanfaatkan dengan bijak sambil mengekalkan nilai-nilai Melayu Islam Beraja sebagai teras pembangunan negara. Baginda turut menyentuh mengenai usaha-usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan daya saing negara melalui pembangunan inklusif dan mampan dengan kerjasama erat dengan pelbagai pihak-pihak berkepentingan;
- iv. Baginda seterusnya turut menghargai peranan penting warga emas dan golongan yang kurang berkemampuan dan telah menekankan tanggungjawab masyarakat bersama untuk memastikan kebijakan golongan berkenaan sentiasa terpelihara. Hal ini selaras dengan pendekatan "tiada sesiapa pun dibiarkan tercicir" dalam arus pembangunan negara;
- v. Akhirnya, Baginda merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat warga perkhidmatan awam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, pasukan-pasukan beruniform yang lain, termasuk mereka yang berkhidmat di sektor swasta dan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs), di atas komitmen dan usaha gigih dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing sepanjang tahun 2024; dan
- vi. Baginda turut merakamkan penghargaan kepada negara-negara sahabat dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa di atas kerjasama yang baik yang dihulurkan.

Dalam usaha menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jabatan Perdana Menteri menaruh harapan tinggi khususnya ke atas jentera pentadbiran awam negara untuk terus mengamalkan pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* dalam merancang dan melaksanakan usaha penambahbaikan ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035. Sebagai warga perkhidmatan awam, marilah kita melaksanakan amanah ini dengan ikhlas dan komitmen demi kesejahteraan rakyat dan generasi akan datang. Semoga usaha murni kita diberkati dan mendapat ganjaran yang setimpal dari Allah Subhanahu Waa'ala.

*"Bersatu Mencapai Cita Negara"*

A blue ink signature in cursive script, appearing to read "Ajman bin Haji Meludin".

[ AJMAN BIN HAJI MELUDIN ]

Setiausaha Tetap (Ustadzadip Perkhidmatan Awam)

Jabatan Perdana Menteri  
Istana Nurul Iman  
Bandar Seri Begawan, BA 1000  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (1) JPM/SK/2025  
Tarikh : 13 Syaaban 1446 / 12 Februari 2025